



## KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

---

**Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos**

### **GARIS PANDUAN PERAKAUNAN AKRUAN BILANGAN 1 TAHUN 2014**

#### **PENGIKTIRAFAN DAN PERAKAUNAN ASET DALAM PEMBINAAN (ADP)**

#### **1.0 TUJUAN**

Garis panduan ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat Tanggung Jawab dan Pusat Kos mengenai cara-cara mengiktiraf serta memperakaunkan projek-projek Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebagai aset dalam pembinaan (ADP) berdasarkan konteks dan senario di KPKT.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

Inisiatif menyediakan garis panduan ini bermula apabila Kementerian menghadapi kesukaran dalam mengiktiraf dan memperakaunkan projek-projek di KPKT sebagai ADP atau perbelanjaan disebabkan perkara-perkara berikut:

- i) Jumlah projek-projek KPKT yang banyak (berdasarkan Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) dan juga projek menggunakan tabung amanah);
- ii) Jenis projek yang pelbagai berdasarkan fungsi jabatan-jabatan di bawah KPKT;
- iii) Projek dilaksanakan di atas tanah pelbagai jenis hakmilik;
- iv) Pemantauan projek dilaksanakan oleh KPKT dan juga Kerajaan Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); dan
- v) Peruntukan oleh KPKT untuk projek-projek pembangunan adalah besar dan material untuk dipermodalkan/diiktiraf sebagai perbelanjaan.

Sehubungan dengan itu, selaras dengan pelaksanaan perakaunan akruan dan sejajar dengan Manual Perakaunan Kerajaan Persekutuan, projek-projek pembangunan ini perlu dikenalpasti untuk diperakaunkan sama ada sebagai ADP atau pun perbelanjaan.

### **3.0 ASET DALAM PEMBINAAN (ADP)**

#### **3.1 Definisi**

ADP dalam perakaunan akruan adalah merupakan aset yang masih dalam pembinaan, belum siap sepenuhnya dan belum digunakan untuk tujuan akhir ia dicadangkan. Aset ini akan digunakan sebagai pejabat atau alat dalam menyediakan perkhidmatan. ADP adalah termasuk aset alih, aset tidak alih dan aset tidak ketara.

### **3.2 Penilaian**

Kos ADP diukur menggunakan kaedah sama seperti yang digunakan oleh aset-aset yang dikelaskan di bawah harta tanah, loji dan peralatan. Kos ADP adalah berdasarkan nilai kontrak/perolehan. ADP tidak disusutnilai dalam tempoh pembinaan.

### **3.3 Pengiktirafan**

Penentuan ADP sama ada perlu dipermodalkan atau direkod sebagai perbelanjaan/geran berdasarkan asas penentuan berikut:

- i) Pemilikan ke atas tanah di mana ADP dibina;
- ii) Kawalan ke atas ADP; dan
- iii) Risiko ADP semasa dalam pembinaan.

## **4.0 PENGKELASAN PROJEK-PROJEK YANG BOLEH DIAKAUNKAN SEBAGAI ADP KERAJAAN PERSEKUTUAN**

### **4.1 Kategori Projek**

Projek-projek pembangunan KPKT yang boleh dipermodalkan dan diakaunkan sebagai ADP Kerajaan Persekutuan boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu projek pembangunan fizikal, projek pembangunan bukan fizikal dan perolehan aset alih. Kriteria-kriteria bagi setiap kategori perlu dipenuhi sebelum sesuatu projek boleh diakaunkan sebagai ADP.

## **4.2 Kriteria**

### **4.2.1 Projek Pembangunan Fizikal**

- i) Projek pembangunan yang dilaksanakan di atas tanah-tanah milik Kerajaan Persekutuaan (*legally owned*) seperti berikut:
  - a) tanah Persekutuan yang dipegang oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) serta mempunyai geran hakmilik; atau
  - b) tanah pihak ketiga yang telah dipindahmilik serta mempunyai geran hakmilik/sekurang-kurangnya premium tanah telah mula dibayar (Borang 5A); atau
  - c) terdapat perjanjian awal mengenai status tanah dan projek akan dipindah hakmilik setelah projek siap; atau
  - d) tanah yang dipajak daripada Kerajaan Negeri/persendirian serta mempunyai perjanjian pajakan.
- ii) Kerajaan membiayai kos dan mempunyai kawalan terhadap projek.

Sekiranya projek dilaksanakan di atas tanah Kerajaan Kerajaan Negeri/PBT, Kerajaan Persekutuan telah memperoleh kebenaran untuk melaksanakan projek pembangunan di atas tersebut dan apabila ADP siap ianya diserahkan kepada Kerajaan Negeri/PBT.

#### **4.2.2 Projek Pembangunan Bukan Fizikal**

Projek yang tidak melibatkan aktiviti pembangunan/pembinaan secara fizikal antaranya seperti pembangunan sistem maklumat yang mana:

- i) Kos-kos langsung seperti kos upah, perisian dan perkakasan komputer yang terlibat semata-mata untuk pembangunan sistem.
- ii) Kerajaan membiayai kos dan mempunyai kawalan terhadap projek.

#### **4.2.3 Perolehan Aset Alih**

- i) Perolehan aset alih yang perlu dibina dalam tempoh masa yang panjang dan pembayaran dibuat **berdasarkan peringkat kemajuan ia siap**. **Aset alih hanya boleh digunakan apabila ia siap**. Contoh perolehan aset alih ialah kenderaan *Emergency Medical Rescue Services (EMRS)*.
- ii) Kerajaan membiayai kos dan mempunyai kawalan terhadap projek.

### **4.3 Contoh Projek ADP (seperti di Lampiran 1)**

- i) **Projek membina taman awam/landskap/kemudahan awam** yang dibina di atas tanah Kerajaan (*legally owned*) atau tanah Kerajaan Negeri/PBT (setelah kebenaran diperolehi) dan Kerajaan membiayai kos serta mempunyai kawalan ke atas projek.

- ii) **Projek membina rumah Program Perumahan Rakyat (PPR)** yang dibina di atas tanah Kerajaan (*legally owned*) atau tanah Kerajaan Negeri/PBT (setelah kebenaran diperolehi) dan Kerajaan membiayai kos serta mempunyai kawalan ke atas projek.
- iii) **Projek membina/menaiktaraf tapak pelupusan** yang dibina di atas tanah Kerajaan (*legally owned*) atau tanah Kerajaan Negeri/PBT (setelah kebenaran diperolehi) dan Kerajaan membiayai kos serta mempunyai kawalan ke atas projek.
- iv) **Projek membina balai/kuarters kakitangan/ibupejabat/pusat latihan bomba** di atas tanah Kerajaan (*legally owned*) atau tanah Kerajaan Negeri/PBT (setelah kebenaran diperolehi) dan Kerajaan membiayai kos serta mempunyai kawalan ke atas projek.
- v) **Projek pembinaan sistem maklumat** yang mana Kerajaan membiayai kos dan mempunyai kawalan ke atas projek.
- vi) **Perolehan jentera dan kenderaan** yang perlu dibina dalam tempoh masa yang panjang dan pembayaran dibuat berdasarkan **peringkat kemajuan ia siap**. Aset hanya boleh digunakan apabila ia siap dan Kerajaan membiayai kos dan mempunyai kawalan terhadap projek.

## **5.0 PENGKELASAN PROJEK-PROJEK YANG TIDAK DIAKAUNKAN SEBAGAI ADP KERAJAAN PERSEKUTUAN**

### **5.1 Kategori Projek**

Projek-projek KPKT yang tidak dipermodalkan dan diakaunkan

sebagai ADP Kerajaan Persekutuan boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu projek pembangunan fizikal, projek pembangunan bukan fizikal dan perolehan aset alih. Kriteria-kriteria bagi setiap kategori projek yang tidak diakaunkan sebagai ADP.

## 5.2 Kriteria

### 5.2.1 Projek Pembangunan Fizikal

Projek pembangunan yang dilaksanakan di atas tanah PBT/Kerajaan Negeri, kos dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan melalui waran peruntukan kecil tetapi Kerajaan tidak mempunyai kawalan terhadap pelaksanaan projek. Projek siap diselenggara oleh PBT.

### 5.2.2 Projek Bukan Pembangunan Fizikal

Projek yang tidak melibatkan aktiviti pembangunan/pembinaan secara fizikal seperti pemberian dana, pembaikan, penyenggaraan, kajian, pelan, dan penyediaan hakmilik strata.

### 5.2.3 Perolehan Aset Alih

Perolehan kenderaan dan jentera yang pembayaran dibuat berdasarkan **jumlah unit siap** yang dibekalkan oleh kontraktor dan boleh terus digunakan setelah ia sampai dan diuji. Walaupun kenderaan dan jentera tersebut tidak diakaunkan sebagai ADP tetapi ianya perlu diakaunkan sebagai aset alih di bawah *Malaysia Public Accounting Standards (MPSAS) 17*.

## 5.3 Contoh Projek Bukan ADP (seperti di Lampiran 2)

- i) **Projek-projek untuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti pembangunan kampung baru, kampung tradisional, pusat**

penjaja dan medan niaga yang dilaksanakan di atas tanah Kerajaan Negeri/PBT, kos dibiayai oleh Kerajaan tetapi Kerajaan tiada kuasa kawalan ke atas projek.

- ii) **Pemulihan projek terbengkalai.** Dana dibayar kepada kontraktor untuk menyiapkan rumah pembeli yang terbengkalai. Kerajaan hanya membiayai kos dan tidak mempunyai kuasa kawalan ke atas projek pembinaan. Projek ini tidak melibatkan pembinaan unit rumah baru yang akan dimiliki/dijual oleh Kerajaan.
- iii) **Bantuan kewangan/dana pembiayaan** untuk program kesejahteraan rakyat.
- iv) **Perolehan kendaraan** tidak diakaunkan sebagai ADP sebaliknya terus diakaunkan sebagai aset alih.

## 6.0 CATATAN PERAKAUNAN (ACCOUNTING TREATMENT)

### 6.1 Projek Yang Diiktiraf Sebagai ADP

#### 6.1.1 Semasa projek sedang dalam pembinaan

Semua kos projek dipermodalkan. Contoh catatan perakaunan:

Dr ADP xxx

Cr Akaun Due to/Due from xxx

#### 6.1.2 Setelah ADP siap

6.1.2.1 ADP akan diklasifikasikan semula kepada beberapa kategori iaitu:

- i) Aset alih/ aset tak alih; atau
- ii) Inventori (rumah-rumah PPR yang akan dijual); atau
- iii) Aset tidak ketara (sistem maklumat); atau
- iv) Perbelanjaan geran sekiranya ia diserahkan kepada pihak ketiga. Sebagai contoh rumah-rumah PPR.

6.1.2.2 ADP hanya boleh diklasifikasikan semula sekiranya ia hanya telah memenuhi syarat berikut:

- i) Klasifikasi kepada aset tidak alih setelah *Certificate of Practical Completion (CPC)/ Certificate of Completion and Compliance (CCC)* dikeluarkan;
- ii) Klasifikasi kepada aset tidak ketara setelah *certificate of acceptance/sijil penerimaan akhir* dikeluarkan oleh pihak Kerajaan; dan
- iii) Sijil/kad pendaftaran kenderaan.

6.1.2.3 Contoh catatan perakaunan selepas ADP siap.

i) **Aset alih/ aset tak alih**

Dr	Aset Alih/Aset Tidak Alih	xxx
Cr	ADP	xxx

ii) **Inventori (rumah-rumah PPR yang akan dijual)**

Dr	Inventori	xxx
Cr	ADP	xxx

iii) **Aset tidak ketara (sistem maklumat)**

Dr	Aset tidak ketara	xxx
Cr	ADP	xxx

iv) **Perbelanjaan geran sekiranya ia diserahkan kepada pihak ketiga. Sebagai contoh rumah-rumah PPR**

Dr	Perbelanjaan Geran	xxx
Cr	ADP	xxx

## 6.2 Projek yang tidak diiktiraf sebagai ADP

### 6.2.1 Semasa projek sedang dilaksanakan

Semua kos projek akan direkod sebagai perbelanjaan penyenggaraan/perbelanjaan geran sepanjang tempoh pelaksanaannya sehingga ia siap. Contoh catatan perakaunan.

Dr	Perbelanjaan Penyenggaraan/geran	xxx
Cr	Akaun Due to/Due From	xxx

## 7.0 PEMAKAIAN

Semua Jabatan/ Bahagian/ Pusat Tanggungjawab/ Pusat Kos hendaklah menggunakan pakai garis panduan ini mulai **1 Februari 2015** dalam mengiktiraf dan memperakaunkan projek-projek sebagai ADP selaras dengan pelaksanaan perakaunan akruan Kerajaan Persekutuan.

Sebarang pertanyaan berkaitan garis panduan ini boleh diajukan kepada:

Ketua Akauntan

Bahagian Akaun

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Aras 10, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4.

**62100, PUTRAJAYA**

Tel : 603 - 8891 4601/ 4608

Emel : bahagian\_akaun@kpkt.gov.my

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“1MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”**

  
**( DATO' SERI ARPAH ABDUL RAZAK )**

**23 Januari 2015**

LAMPIRAN 1

**CONTOH PROJEK-PROJEK ADP KPKT SETAKAT BULAN DISEMBER 2014**

BIL	JABATAN	NAMA PROJEK
1	JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN IBU PEJABAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI PERAK DI ATAS PLOT 8&9 MUKIM HULU KINTA, PERAK
2	JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT JALAN TUN ISMAIL DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA DI ATAS LOT PT 190, HS (D) 76886, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
3	JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	MENYIAPKAN BAKI KERJA BAGI PENGAMBILAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT SONG DUA(2) PETAK, 8 UNIT KUARTERS KELAS F SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA DI ATAS LOT 1507, BLOK 17, KATIBAS L.D, KAPIT, SARAWAK
4	JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	MENYIAPKAN BAKI KERJA 226 UNIT PANGSAPURI KOS SEDERHANA UNTUK KUARTERS JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA DI ATAS LOT 53681, JALAN TENTERAM, CHERAS, KUALA LUMPUR
5	JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	CADANGAN MEREKABENTUK, MEMBINA DAN MENYIAPKAN KUARTERS BOMBA KEMPAS TERMASUK KEMUDAHAN AWAM DI ATAS LOT 1835 & A836, JALAN PERMATANG SATU, KEMPAS, JOHOR
6	JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	PEMBINAAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT JALAN TUN RAZAK, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
7	JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	PEROLEHAN 100 KENDERaan PENARIK (PRIME MOVER) BERSERTA TANGKI AIR, TRELER, PAM UTAMA DAN ENJIN SERTA KELENGKAPAN MEMADAM
8	JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	PEROLEHAN 200 EMERGENCY MEDICAL RESCUE SERVICES (EMRS)
9	JABATAN LANDSKAP NEGARA	CADANGAN KERJA-KERJA PENANAMAN POKOK DI ZON ABROTERUM TAMAN PERSEKUTUAN BUKIT KIARA KUALA LUMPUR
10	JABATAN LANDSKAP NEGARA	CADANGAN NAIK TARAF LANDSKAP ZON REAKREASI KELUARGA (LEMBAH KIARA) DI TAMAN PERSEKUTUAN BUKIT KIARA, KUALA LUMPUR
11	JABATAN LANDSKAP NEGARA	CADANGAN MEMBINA PAGAR KESELAMATAN DI SEPANJANG SEMPADAN TAMAN PERSEKUTUAN BUKIT KIARA, KUALA LUMPUR
12	JABATAN LANDSKAP NEGARA	CADANGAN PENANAMAN POKOK DI PINGGIRAN JALAN TAMAN PERSEKUTUAN BUKIT KIARA, KUALA LUMPUR
13	JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA	SISTEM MAKLUMAT PERANCANGAN GUNATANAH BERSEPADU (I-PLAN)
14	JABATAN PERUMAHAN NEGARA	PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR-DISEWA) DI ATAS TANAH KERAJAAN PTD72264, SUNGAI MELANA, SKUDAI KIRI, MUKIM PULAI, JOHOR (FASA 1-LOT2)
15	JABATAN PERUMAHAN NEGARA	PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) DI MUKIM KIBABAIG, BUKIT PADANG, DAERAH PENAMPANG, SABAH SECARA REKA DAN BINA
16	JABATAN PERUMAHAN NEGARA	PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR-DISEWA) DI KUNAK 1, KUNAK, SABAH
17	JABATAN PERUMAHAN NEGARA	PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR-DISEWA) DI ATAS LOT PL20205 DAN PL20206 (TANAH PERSENDIRIAN), KENINGAU, SABAH

BIL	JABATAN	NAMA PROJEK
18	JABATAN PERUMAHAN NEGARA	PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR-DISEWA) DI BATU 2 1/2, JALAN BUBUL LAMA, SEMPONA SABAH
19	JABATAN PERUMAHAN NEGARA	PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR-DISEWA) DI KG.SELAGON, BEAUFORT, SABAH (REKA DAN BINA)
20	JABATAN PERUMAHAN NEGARA	PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT ((PPR) DI KG. KETIAU, PUTATAN, SABAH
21	JABATAN PERUMAHAN NEGARA	PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) DI KG MERUNTUM, PUTATAN, SABAH
22	JABATAN PERUMAHAN NEGARA	PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) DI KG.LUPAK, MELUAS, BATU SAPI, SANDAKAN,,SABAH
23	JABATAN PERUMAHAN NEGARA	PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) DI PEKAN MUHIBBAH, SANDAKAN, SABAH
24	JABATAN PERUMAHAN NEGARA	PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DENGANNYA DI KG.WAI, KUALA PERLIS, PERLIS
25	JABATAN PERUMAHAN NEGARA	PRGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR-DISEWA) DI KG. KIANSOM BESAR, INANAM, KOTA KINABALU, SABAH
26	JABATAN PERUMAHAN NEGARA	MEREKABENTUK, MEMBINA DAN MENYIAPKAN 1,000 UNIT RUMAH PANGSA 5 TINGKAT DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA BAGI PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT ((PPR-DIMILIKI) DI GUA MUSANG, KELANTAN
27	JABATAN PERUMAHAN NEGARA	MEREKABENTUK, MEMBINA DAN MENYIAPKAN 500 UNIT RUMAH TERES 1 TINGKAT DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA BAGI PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR-DIMILIKI) DI LAMBIR, MIRI, SARAWAK
28	JABATAN PERUMAHAN NEGARA	MEREKABENTUK, MEMBINA DAN MENYIAPKAN 500 UNIT RUMAH PANGSA DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA BAGI PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) DI SENTUL, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
29	JABATAN PERUMAHAN NEGARA	MEREKABENTUK, MEMBINA DAN MENYIAPKAN 1,600 UNIT PANGSA DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA BAGI PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) DI KEPONG, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
30	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	PROJEK MENAIKTARAF TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL DI TELUK CEMPEDAK, PULAU PANGKOR, PERAK
31	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	PROJEK PEMBINAAN TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL SANITARI DI SUNGAI UDANG, MUKIM MELAKA TENGAH, MELAKA
32	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	PROJEK PEMBANGUNAN TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL SANITARI DI KG.TERTAK BATU, MUKIM RUSILA DAERAH TERENGGANU
33	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	CADANGAN PROJEK PEMBINAAN TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL SANITARI DI BELENGGU, TEMERLOH, PAHANG
34	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	CADANGAN PROJEK MENAIKTARAF TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL DI LADANG CEP 1, SIMPANG RENGHAM, JOHOR
35	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	CADANGAN PROJEK PEMBANGUNAN TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL SANITARI DI RIMBA MAS, MUKIM TITI TINGGI, PERLIS
36	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	PROJEK PENAMBAHBAIKAN LOJI THERMAL OXIDATION (TOP) DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
37	JABATAN LANDSKAP NEGARA	SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT LANDSKAP (E-LANDSCAPE)

**CONTOH PROJEK-PROJEK ADP DI ATAS TANAH KERAJAAN NEGERI /PBT  
(SETELAH MENDAPAT KEBENARAN) DAN AKAN DISERAHKAN SEMULA  
SETELAH IA SIAP SETAKAT BULAN DISEMBER 2014**

BIL	JABATAN	NAMA PROJEK
1	JABATAN LANDSKAP NEGARA	CADANGAN PEMBANGUNAN LANDSKAP BAGI PROGRAM PERSEKITARAN KEHIDUPAN DI PPR SUNGAI KERAK, MARANG, TERENGGANU
2	JABATAN LANDSKAP NEGARA	CADANGAN PEMBANGUNAN PERSEKITARAN KEHIDUPAN DI PAKR CHEMBONG, REMBAU NEGERI SEMBILAN
3	JABATAN LANDSKAP NEGARA	CADANGAN PEMBANGUNAN LANDSKAP BAGI PEMBANGUNAN PERSEKITARAN KEHIDUPAN DI KAWASAN PERUMAHAN RAKYAT BATU 6, TAMBUN PERAK
4	JABATAN LANDSKAP NEGARA	CADANGAN PEMBANGUNAN LANDSKAP PERBANDARAN CAMERON HIGHLANDS
5	JABATAN PERUMAHAN NEGARA	PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT DI KG. TOK SUBOH, BUKIT MINYAK, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG
6	JABATAN PERUMAHAN NEGARA	CADANGAN MERAKABENTUK, MEMBINA DAN MENYIAPKAN 120 UNIT RUMAH KLUSTER (1 TINGKAT) DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA BAGI PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) DIMILIKI KG. TEKEK, PULAU TIOMAN, PAHANG
7	JABATAN PERUMAHAN NEGARA	MERAKABENTUK, MEMBINA DAN MENYIAPKAN 500 UNIT RUMAH PANGSA DAN KERJA-KERJA BERKAITAN BAGI PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) KOTA SETAR, ALOR SETAR, KEDAH
8	JABATAN PERUMAHAN NEGARA	MERAKABENTUK, MEMBINA DAN MENYIAPKAN 600 UNIT RUMAH PANGSA DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN BAGI PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) DI PAYA RUMPUT, MELAKA
9	JABATAN PERUMAHAN NEGARA	MERAKABENTUK, MEMBINA DAN MENYIAPKAN 500 UNIT RUMAH PANGSA DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA BAGI PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) DI AYER PANAS, JASIN, MELAKA
10	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	PROJEK MENAIKTARAF TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL DI JALAN LIPIS, LIPIS, PAHANG, DARUL MAKMUR
11	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	PROJEK PENUTUPAN SELAMAT DAN MENAIKTARAF TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL DI BUKIT BAKRI, MUAR, JOHOR
12	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	PROJEK MENAIKTARAF TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL DI PADANG SERTIK, BENTONG, PAHANG
13	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	PROJEK MENAIKTARAF TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL DI JALAN KEMUNYANG, SIBU, SARAWAK
14	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	PROJEK MENAIKTARAF TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL DI KG. FERI, KUALA ROMPIN, PAHANG
15	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	PROJEK MENAIKTARAF TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL DI JENGKA 10, MARAN, PAHANG

BIL	JABATAN	NAMA PROJEK
16	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	PROJEK MENAIKTARAF TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL DI SIBUTI, MIRI, SARAWAK
17	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	PROJEK MENAIKTARAF TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL SANITARI DI KOK FOH, JEMPOL, NEGERI SEMBILAN
18	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	CADANGAN PROJEK PENUTUPAN SELAMAT DAN PEMULIHAN MESRA ALAM 16 TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL DI SEMENANJUNG MALAYSIA SECARA "DESINGN AND BUILD"
19	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	PROJEK MENAIKTARAF TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL DI KAYU MADANG, KOTA KINABALU, SABAH
20	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	CADANGAN PROJEK MENAIKTARAF TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL SANITARI DI PADANG SIDING, MUKIM PAUH, PERLIS
21	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	CADANGAN PROJEK MENAIKTARAF TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL DI KG. SUNGAI IKAN, KUALA TERENGGANU, TERENGGANU
22	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	PROJEK MENAIKTARAF TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL DI JABI, ALOR SETAR, KEDAH
23	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	CADANGAN MENAIKTARAF TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL DI BATU TIGA, BATU GAJAH, PERAK
24	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	CADANGAN PROJEK MENAIKTARAF TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL DI CHUAT BERA, PAHANG
25	JABATAN PERUMAHAN NEGARA	TAMAN MALIM MAS, ULU BERNAM, SELANGOR
26	JABATAN PERUMAHAN NEGARA	BANDAR BARU KUNDANG, KUNDANG, SELANGOR
27	JABATAN LANDSKAP NEGARA	TAMAN AWAM PANTAI TANJUNG PURUN, LABUAN, WILAYAH PERSEKUTUAN
28	JABATAN LANDSKAP NEGARA	TAMAN AWAM PEREMBA, ALOR SETAR, KEDAH
29	JABATAN LANDSKAP NEGARA	TAMAN AWAM BATU 2 1/2, SANDAKAN, SABAH
30	JABATAN LANDSKAP NEGARA	TAMAN AWAM BUKIT LAGI, KANGAR, PERLIS
31	JABATAN LANDSKAP NEGARA	TAMAN AWAM BENTONG, PAHANG
32	JABATAN LANDSKAP NEGARA	TAMAN AWAM TELUK LIKAS, KOTA KINABALU, SABAH (FASA 2)
33	JABATAN LANDSKAP NEGARA	TAMAN AWAM TASIK TEMOH, TAPAH, PERAK
34	JABATAN LANDSKAP NEGARA	PEMBANGUNAN LANDSKAP KOTA BELUD, SABAH
35	JABATAN LANDSKAP NEGARA	PEMBANGUNAN LANDSKAP TAMAN MERDEKA KLUANG, JOHOR

**LAMPIRAN 2****CONTOH PROJEK-PROJEK BUKAN ADP KPKT SETAKAT BULAN DISEMBER 2014**

BIL	JABATAN	NAMA PROJEK
1	JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA	KAJIAN PENILAIAN DAN PEMANTAUAN PELAKSANAAN RANCANGAN FIZIKAL NEGARA
2	JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA	KAJIAN SEMULA DASAR PERBANDARAN NEGARA (DPN KE-2)
3	JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA	INISIATIF KEJIRANAN HIJAU
4	JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA	KAJIAN SEMULA RANCANGAN FIZIKAL NEGARA (RFN KE-3)
5	JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA	KAJIAN PELAKSANAAN PENGUATKUASAAN DI BAWAH AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)
6	JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA	KAJIAN DASAR PERANCANGAN FIZIKAL DESA NEGARA
7	JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA	PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN BANDAR MASA HADAPAN (FUTURE CITIES)
8	JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA	RANCANGAN KAWASAN KHAS RANTAU PANJANG, KELANTAN
9	JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA	RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS DAERAH BATU GAJAH 2025
10	JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA	RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KAMPAR 2030
11	JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA	RANCANGAN KAWASAN KHAS PEMBANGUNAN SEMULA KAWASAN PUSAT BANDAR SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN
12	JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA	PELAN TINDAKAN KHAS PEMBANGUNAN MERAPOH, LIPIS
13	JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA	RANCANGAN KAWASAN KHAS BUKIT BESI, DUNGUN
14	JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA	RANCANGAN KAWASAN KHAS TANAH TINGGI LOJING, GUA MUSANG
15	JABATAN LANDSKAP NEGARA	PELAN INDUK LANDSKAP SEPANG, SELANGOR
16	JABATAN LANDSKAP NEGARA	PEMBANGUNAN TAMAN BOTANI BATU PAHAT, JOHOR
17	JABATAN LANDSKAP NEGARA	PEMBANGUNAN TAMAN BOTANI KUCHING, SARAWAK

BIL	JABATAN	NAMA PROJEK
18	JABATAN LANDSKAP NEGARA	PELAN INDUK LANDSKAP MAJLIS PERBANDARAN KAJANG, SELANGOR
19	JABATAN LANDSKAP NEGARA	PELAN INDUK LANDSKAP MD SAMARAHAN, SARAWAK
20	JABATAN LANDSKAP NEGARA	PEMULIHARAAN DAN PEMULIHAN LANDSKAP
21	JABATAN LANDSKAP NEGARA	NAIKTARAF TAMAN AWAM PELBAGAI NEGERI
22	JABATAN LANDSKAP NEGARA	PENYELIDIKAN REKABENTUK LANDSKAP
23	BAHAGIAN KESEJAHTERAAN BANDAR	BANTUAN PERUMAHAN BANDAR
24	BAHAGIAN KESEJAHTERAAN BANDAR	BANTUAN SEWA RUMAH DI BANDAR
25	BAHAGIAN KESEJAHTERAAN BANDAR	PROGRAM MENJANA PENDAPATAN DI BANDAR MELALUI KEUSAHAWANAN
26	BAHAGIAN KESEJAHTERAAN BANDAR	PROGRAM BINA UPAYA MISKIN BANDAR
27	BAHAGIAN KESEJAHTERAAN BANDAR	PEMBANGUNAN MINDA INSAN DI BANDAR
28	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	KAJIAN KEMUNGKINAN KEMUDAHAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DI SUNGAI PETANI, KEDAH
29	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	KAJIAN KEMUNGKINAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DI KAWASAN UTARA PERAK
30	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	KAJIAN KEMUNGKINAN KEMUDAHAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DI KAWASAN SELATAN PERAK
31	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	KAJIAN KEMUNGKINAN KEMUDAHAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DI KUALA TERENGGANU, TERENGGANU
32	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	KAJIAN KEMUNGKINAN KEMUDAHAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DI JELEBU-KUALA PILAH-JEMPOL, NEGERI SEMBILAN
33	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	KAJIAN KEMUNGKINAN KEMUDAHAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DI KAWASAN TENGGARA JOHOR (KOTA TINGGI, MERSING DAN PASIR GUDANG)
34	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	KAJIAN KEMUNGKINAN KEMUDAHAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DI TANAH MERAH, KELANTAN
35	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	KAJIAN KEMUNGKINAN KEMUDAHAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DI PAGOH DAN BATU PAHAT, JOHOR

BIL	JABATAN	NAMA PROJEK
36	JABATAN KERAJAAN TEMPATAN	PROJEK KECIL DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN KAMPUNG TRADISIONAL PULAU PINANG
37	JABATAN KERAJAAN TEMPATAN	PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU JOHOR
38	JABATAN KERAJAAN TEMPATAN	PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
39	JABATAN KERAJAAN TEMPATAN	PROJEK KECIL DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN KAMPUNG TRADISIONAL TERENGGANU
40	JABATAN KERAJAAN TEMPATAN	PROJEK KECIL DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN KAMPUNG TRADISIONAL SELANGOR
41	JABATAN KERAJAAN TEMPATAN	PROJEK KECIL DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN KAMPUNG TRADISIONAL PERLIS
42	JABATAN KERAJAAN TEMPATAN	PROJEK KECIL DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN KAMPUNG TRADISIONAL PERAK
43	JABATAN KERAJAAN TEMPATAN	PROJEK KECIL DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN SARAWAK
44	JABATAN KERAJAAN TEMPATAN	PROJEK KECIL DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN SABAH
45	JABATAN KERAJAAN TEMPATAN	PROJEK KECIL DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN KAMPUNG TRADISIONAL PAHANG
46	JABATAN KERAJAAN TEMPATAN	PROJEK KECIL DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN KAMPUNG TRADISIONAL NEGERI SEMBILAN
47	JABATAN KERAJAAN TEMPATAN	PROJEK KECIL DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN KAMPUNG TRADISIONAL MELAKA
48	JABATAN KERAJAAN TEMPATAN	PROJEK KECIL DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN KAMPUNG TRADISIONAL KELANTAN
49	JABATAN KERAJAAN TEMPATAN	PROJEK KECIL DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN KAMPUNG TRADISIONAL KEDAH
50	JABATAN KERAJAAN TEMPATAN	PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU TERENGGANU
51	JABATAN KERAJAAN TEMPATAN	PROJEK KECIL DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN KAMPUNG TRADISIONAL JOHOR
52	JABATAN KERAJAAN TEMPATAN	PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU SELANGOR
53	JABATAN KERAJAAN TEMPATAN	PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU PULAU PINANG
54	JABATAN KERAJAAN TEMPATAN	PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU PERLIS

BIL	JABATAN	NAMA PROJEK
55	JABATAN KERAJAAN TEMPATAN	PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU PERAK
56	JABATAN KERAJAAN TEMPATAN	PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU PAHANG
57	JABATAN KERAJAAN TEMPATAN	PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU NEGERI SEMBILAN
58	JABATAN KERAJAAN TEMPATAN	PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU MELAKA
59	JABATAN KERAJAAN TEMPATAN	PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU KEDAH
60	JABATAN KERAJAAN TEMPATAN	PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU KELANTAN
61	JABATAN KERAJAAN TEMPATAN	DANA PEMBIAYAAN BAGI PENDUDUK KAMPUNG BARU CINA
62	JABATAN KERAJAAN TEMPATAN	MEMBINA SEMULA PASAR AWAM KAMPUNG MELAYU MAJIDEE, MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU, JOHOR
63	JABATAN KERAJAAN TEMPATAN	MEDAN NIAGA CAMERON HIGHLAND
64	JABATAN KERAJAAN TEMPATAN	MENAIKTARAF DEWAN SERBAGUNA DI DATARAN SARANG BUAYA, MUAR
65	JABATAN KERAJAAN TEMPATAN	KOMPLEKS PUSAT PENJAJA BAHAU
66	JABATAN KERAJAAN TEMPATAN	NAIKTARAF PASAR AWAM BATU PAHAT
67	JABATAN KERAJAAN TEMPATAN	MENGAMBILALIH PENGGENDALIAN MANAGED PORTAL SERVICES (MPS) BAGI 102 PBT YG DIURUSKAN OLEH EPU KPKT